

SEJARAH PENULISAN NOVEL DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN

Hashim Ismail

Pendahuluan

Menangani tajuk kertas ini adalah menangani perjalanan selama 131 tahun titik-titik sejarah yang membekas terhadap perkembangan penulisan novel negara. Sejak awal penulisan novel *Hikayat Panglima Nikosa* (1876) oleh Ahmad Syawal Abdul Hamid sehingga ke tahap paling mutakhir novel *Sangeetha* (2006) oleh Azizi Haji Abdullah, banyak fenomena pasang surut yang mewarnai sejarah penulisan novel negara telah dibincangkan. Pertama, secara fundamental kita ingin melihat pencapaian tugas novelis kita terhadap kemajuan dan pembangunan minda masyarakat. Kedua, secara seninya kita juga mengharapkan novel kita menunjukkan kualiti yang baik di peringkat hasil penciptaan. Ketiga, kita ingin menilai hasil ciptaan novel sebagai satu penghasilan yang dapat meletakkan penulis kita setaraf dengan pencapaian pemenang-pemenang hadiah nobel dunia.

Sumbangan Terhadap Kemajuan dan Pembangunan Minda Masyarakat

Secara tersirat, penghasilan *Hikayat Panglima Nikosa* telah meletakkan satu fenomena zaman yang jelas tentang peranan novel untuk menyuntik semangat zaman kepada ahli masyarakat. Persoalan tentang perjuangan membangunkan ekonomi muncul dalam minda pengarang Melayu untuk mengangkat kepentingan membangunkan ekonomi bangsa. Dalam tahun 1876 sudah ada idea untuk membangunkan fikiran masyarakat dalam mengusahakan pertanian secara komersial dan menambahkan pengetahuan sebanyak mungkin bagi meningkatkan pendapatan keluarga dan masyarakat.¹ Gerakan kesedaran tentang pentingnya berbudi kepada tanah adalah 100 tahun awal mendahului gerakan “Buku Hijau” yang dilancarkan oleh kerajaan pada 1970-an.

Kesedaran terhadap keperluan ilmu pengetahuan moden dan penguasaan ilmu pengetahuan Barat serta sains mengundang gerakan keintelektualan yang berkembang pesat dalam kalangan masyarakat sekitar abad ke-19. Sebahagian melihat pencapaian Barat sebagai satu contoh penguasaan ilmu pengetahuan dan sebahagian lagi melihat Islam perlu dikembalikan kepada ajaran al-Qur'an yang sebenar. Modernisasi dalam pemikiran bangsa-bangsa yang dijajah, terutama dalam kalangan penduduk Islam berkembang dengan sikap mencontohi Barat yang menakluk umat Islam akibat lemahnya penguasaan ilmu umat Islam sendiri.

Walaupun kemunculan novel agak lewat, iaitu sekitar tahun 1922, didapati peranan novel dalam gerakan kesedaran bangsa sangatlah penting. Novel yang mula-mula muncul, di antaranya adalah *Kecurian Lima Million Ringgit* (1922) oleh Haji Muhammad bin Muhammad Said dan *Hikayat Faridah Hanum* (1925/1926) oleh Syed Syeikh al-Hadi, didapati peranan novel dalam gerakan kesedaran bangsa sangatlah penting. Perkembangan ini merupakan rentetan pemikiran pembaharuan di Turki dan pemikiran pembaharuan oleh Jamaluddin al-Afghani di

¹ Lihat keterangan lanjut oleh S.Othman Kelantan dan Abdullah Tahir, 2003. *Sejarah Kesasteraan Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5.

Timur Tengah yang telah mempengaruhi pemikiran umat Islam di seluruh dunia pada abad ke-19, termasuk India dan Nusantara.

Syed Syeikh al-Hadi merupakan tokoh penting yang menggerakkan semangat pemodenan bangsa dan semangat pembaharuan pemikiran masyarakat Melayu khususnya, dan agama Islam umumnya. Melalui novel *Hikayat Faridah Hanum*, Syed Syeikh menggerakkan supaya masyarakat Islam kembali kepada ajaran al-Qur'an dan Hadis yang sebenar, meninggalkan pemikiran kolot, meningkatkan kesedaran pendidikan; khususnya pendidikan kaum wanita, menentang pemikiran penjajah serta menggerakkan pemikiran sains dan moden. Semangat zaman inilah yang menjadi unsur penting dalam penyebaran bahan bacaan Melayu pada waktu itu. Novel seperti *Hikayat Faridah Hanum* menjadi ikutan penulis-penulis lain yang berpusat di kota-kota pendidikan seperti di Pulau Pinang, Kota Bharu, Muar, Kelang, Kuala Lumpur, dan Singapura. Berikutnya itu, muncullah pula novel-novel seperti *Iakah Salmah?* (1929) dan *Kawan Benar* (1927) oleh Ahmad Rashid Talu, *Hikayat Perchintaan Kasih Kemudaan* (1927) oleh Ahmad Kotot, *Melur Kuala Lumpur* (1930) oleh Harun Aminurrashid, dan *Melati Kota Bharu* (1939) oleh A. Kadir Adabi. Hasil daripada penghasilan novel-novel ini, seterusnya membawa kepada kemunculan novel-novel berbentuk seruan semangat nasionalisme, misalnya *Putera Gunung Tahan* (1937) dan *Anak Mat Lela Gila* (1941) oleh Ishak Haji Muhammad, *Nyawa di Hujung Pedang* (1946) oleh Ahmad Murad Nasaruddin, dan *Sisa Neraka Dunia* (1948) oleh Ahmad Lutfi.

Novel *Iakah Salmah?* merupakan contoh novel yang menarik apabila pengarangnya, Ahmad Rashid Talu menjadikan watak Salmah sebagai watak yang membawa perubahan terhadap keperluan wanita moden. Pendidikan barat dijadikan satu contoh yang dapat menggerakkan kemajuan masyarakat, termasuk golongan wanita. Keperluan kepada pendidikan, ilmu pengetahuan, dan pendidikan ala barat adalah dilihat mampu menjana kemajuan dalam pemikiran umat. Pengarang novel seperti Ahmad Rashid Talu adalah penulis yang mengagumi kejayaan barat dalam bidang pendidikan sehingga mereka dapat menakluk bangsa yang dijajah disebabkan kebijaksanaan dalam menguasai ilmu pengetahuan.

Penulis novel pada era sebelum perang dan zaman awal selepas perang disegani oleh masyarakat kerana penglibatan mereka yang prolifik dalam membawa isu-isu semangat kebangsaan. Mereka terdiri daripada golongan cendekiawan Melayu yang bergabung dengan gerakan keintelektualan seperti golongan guru dan wartawan Melayu. Malahan mereka juga bergabung dengan pemikir-pemikir Melayu yang bergiat aktif dalam bidang politik. Persatuan seperti *Persaudaraan Sahabat Pena Malaya* (1934) atau PASPAM didukungi oleh para cendekiawan Melayu untuk menyatukan gerakan memajukan penulis dan penyatuan cendekiawan Melayu. PASPAM mendapat sokongan cendekiawan Melayu yang lain. Akhbar *Saudara* menjadi suara pertubuhan ini dan tersebar ke seluruh negara. Di sinilah juga penglibatan Tengku Abdul Rahman al-Haj bersama golongan intelektual Melayu dalam menggerakkan semangat kebangsaan. Ahmad Kotot, Ibrahim Haji Yaakob, Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, dan Ahmad Boestamam adalah tokoh-tokoh yang menyokong kuat pergerakan PASPAM.²

Seterusnya, pada tahap awal perkembangan novel Melayu, telah muncul pengaruh yang membenci golongan bangsawan atau feudal. Pemikiran ini menular dengan cepat dan suasana ini berpunca dari pengaruh kemasukan pemikiran pembaharuan yang turut digerakkan oleh Kaum Muda. Golongan Kaum Tua yang bergantung kepada kuasa golongan istana untuk meneruskan kehidupan menjadi sasaran Kaum Muda untuk membuat kritikan. Gaya hidup golongan bangsawan dikritik dan golongan istana sering dipermainkan di dalam novel. Pemikiran sedemikian muncul kerana bertambahnya golongan cendekiawan daripada masyarakat biasa yang melihat pendidikan sekular bukan lagi milik golongan elit atau bangsawan. Antara tokoh yang jelas mengkritik golongan bangsawan melalui novel ialah Ishak Haji Muhammad dan A. Kadir Adabi.

Oleh itu juga, tahun-tahun 1950-an menyaksikan gerakan ASAS 50, yang merupakan gerakan *Seni Untuk Masyarakat* mendapat sambutan

² Abdul Latif Abu Bakar, "Peranan PASPAM Dalam Kegiatan Bahasa dan Sastera Melayu", dlm. *100 Tahun Pergerakan Bahasa dan Sastera Melayu 1888-1988*, dieredit oleh S. Othman Kelantan, 1992, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 127-134, menjelaskan peranan PASPAM dalam gerakan semangat kebangsaan juga.

hebat daripada masyarakat umum. Pemikiran yang bertentangan antara kumpulan dua darjah ini bukan sahaja mendapat perhatian dalam penulisan penulis novel, malahan juga dalam bentuk penulisan genre-genre lain. Kemasukan pemikiran *Marxist* yang mementingkan ideologi sosialis sedikit sebanyak memperlihatkan pertentangan dalam masyarakat. Sesuai dengan situasi pada waktu itu dan atas dasar kemiskinan, masyarakat buruh, petani, dan nelayan telah mendapat perhatian. Malah, bahan bacaan yang mengalir masuk ke kota-kota besar turut mempengaruhi pemikiran penulis novel pada waktu itu. Penulis novel menjadi juara kemanusiaan kerana memartabatkan golongan kecil yang tersisih dari kemajuan masyarakat. Akibatnya, bahan ini secara berterusan telah menjadi idea penting pengarang novel Malaysia sehingga sekarang.

Seterusnya novel *Rumah Itu Dunia Aku* (1951) karya Hamzah pula membawa elemen seni untuk seni. Krisis dalam keluarga dan rumah tangga yang bergolak membawa satu perkembangan teknik aksi dalam watak yang menarik telah diperkenalkan dalam sejarah perkembangan novel tanah air. Ini dipaparkan dalam watak Lin, seorang anak orang gaji yang menderita dan terseksa batin kerana lahir sebagai anak luar nikah. Jelasnya, *Rumah Itu Dunia Aku* merupakan novel dominan sebagai penggarapan latar dan watak dalam plot orang terpenjara.³

Penulisan novel-novel yang menumpukan kepada masyarakat kerdil ini muncul dengan banyaknya, seperti *Salina* (1961) dan *Sungai Mengalir Lesu* (1967) oleh A. Samad Said; *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), *Srengenge* (1973), *Kemelut* (1977), *Sampah* (1974) oleh Shahnon Ahmad, dan *Desa Pinggitan* (1964) oleh Ibrahim Omar.

Manusia-manusia kerdil menjadi titik pusat untuk menyampaikan idea penulis. Seterusnya muncul tokoh-tokoh muda seperti Azizi Haji Abdullah, Anwar Ridhwan, A. Talib Hassan, Zahari Affandi, Rejab F.I.,

³ Lihat S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir, 2003. *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern*, hlm. 67 plot orang terpenjara, lebih khusus untuk menggambarkan pemikiran dan gerak batin watak-watak yang merupakan pendedahan kepada sikapnya yang negatif yang disimbolkan oleh latar yang terhad, yang menunjukkan watak-wataknya tidak boleh melepaskan dirinya daripada situasi dan oleh sikapnya yang negatif dan pesimistik.

Muhd. Mansor Abdullah, Zaid Ahmad, Rubaidin Siwar, dan Johan Jaafar. Tokoh muda zaman 1970-an, iaitu Azizi Haji Abdullah merupakan penulis novel yang prolifik pada waktu itu. Azizi Haji Abdullah menghasilkan tujuh buah novel sepanjang tahun 1970-an, iaitu *Senja Belum Berakhir* (1971), *Gadis Itu Bernama Ina* (1972), *Sami Mekong* (1976), *Bila Hujan Malam* (1976), *Tini* (1977), *Ayah Bonda* (1978), dan *Kolam Mulhamah* (1978). Novel *Senja Belum Berakhir* didapati bermutu dan memenangi Hadiah Karya Sastera yang pertama kali diadakan pada tahun 1971. Novel ini merupakan novel simbolik yang dihubungkan dengan perkembangan politik negara tentang peluang yang diperoleh oleh kaum imigran untuk menduduki tanah tempatan.⁴

Kemelut orang tua yang jauh di pedalaman melonjakkan nama Anwar Ridhwan dalam penghasilan novel tahun 1970-an. *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* berjaya mengangkat satu gaya penceritaan yang menarik tentang kepupusan seni tradisi yang bersaing hebat dengan seni moden. Pak Hassan gigih memperjuangkan tradisi bercerita *Tuk Selampit* yang bersaing dengan kehadiran elemen radio dalam sistem komunikasi moden. Persoalan ini merupakan persoalan terbaru tentang masalah jati diri; kesedaran terhadap masalah batin seniman tradisional seperti Pak Hassan merupakan satu kesan baru terhadap kemasukan media komunikasi moden. Masyarakat diingatkan dengan bahaya kepupusan seni tradisional jika tidak ada yang sanggup menjaganya agar dapat terus bersaing dengan hiburan moden.

Pada tahun 1980-an, pemikiran zaman dan masyarakat Malaysia tertumpu kepada persoalan meningkatkan kesedaran Islam. Hasil daripada perkembangan tamadun Islam serta gerakan revolusi rakyat di Timur Tengah serta gerakan pembaharuan di Iran dan Libya, telah

⁴ Lihat S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir, 2003. *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 150-151, novel "*Senja Belum Berakhir*" menceritakan perihal penentangan seorang anak muda Melayu, Malawi yang gagah, degil, dan tegas terhadap bapanya yang mudah membenarkan orang luar (Bani Putih) bersama-sama keluarganya tinggal di dalam kawasan tanah mereka yang hanya tiga relung sahaja luasnya. Ayahnya, Imam Herman mengalami konflik batin akibat penentangan Malawi. Hal ini menyebabkan fizikalnya uzur hingga hal membawa maut. Walau pun ayahnya meninggal dunia, tetapi Malawi tetap gagal menghalau Bani Putih dan keluarganya. Kegagalan ini disebabkan faktor undang-undang negara yang menghalang Malawi berbuat demikian".

menghasilkan pemikiran baru tentang kebangkitan Islam yang mengatasi budaya pemikiran modenisasi Barat. Kemajuan fizikal dan pembangunan manusia tidak dilihat semata-mata dari aspek kebendaan, malahan juga dari aspek peningkatan dan kemajuan kerohanian. Di sinilah Islam dilihat dapat membangunkan sahsiah umatnya pada zaman moden ini.

Di dalam penulisan novel, pemikiran sedemikian menular melalui penghasilan novel-novel seperti *Mengejar Kedamaian* oleh Abdul Manap Malik, *Masuk ke Dalam Cahaya* oleh Abdullah Hussain, dan *Kuingin Kasihmu* oleh Siti Hawa Mohd. Hassan. Malah, bersama mereka muncul beberapa karya yang menonjol pada era 1980-an, termasuk Azizi Haji Abdullah dengan novel berjudul *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982); Keris Mas melalui novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982); dan A. Samad Said yang kembali menyerlah dengan novel *Daerah Zeni* (1985) dan *Hujan Pagi* (1987). Novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982) telah membawa persoalan harga diri seorang warga tua. Kegigihan seorang tua secara fizikal seperti aksi menebang sebatang cengal besar merupakan simbol kekuatan mental si tua yang sanggup melakukan apa sahaja demi kekuatan semangat kentalnya. Tukya merupakan imej generasi tua yang gigih. Sekali lagi masyarakat dikemukakan dengan keperluan menjaga tradisi yang banyak memiliki kekuatannya yang tersendiri.

Tahun-tahun 1980-an menyaksikan penerusan kesedaran pengarang untuk menguasai pelbagai teknik penulisan yang bersifat eksperimental, dengan penguasaan terhadap pengolahan nilai dalaman watak; konflik batin secara ilusi, halusinasi, dan mimpi. Sehubungan itu, novel *Daerah Zeni* telah mendapat perhatian kerana teknik *nouveau roman* yang mencabar pembaca untuk menghayatinya. Karya sebegini dianggap karya masa depan yang menerobos ke dalam diri wataknya melalui kaedah-kaedah eksistensialisme. Di samping itu, wajah watak-watak dalam novel ini juga turut membawa signifikan tertentu. Terdapat tiga wajah lelaki tua yang eksentrik, iaitu tenggelam dalam dunia yang sama, dunia asing, sepi, dan terbuang; dunia alam Lazri Meon, Hamdar, dan Chenniah. Ciri penceritaan yang sedemikian, mirip tulisan *One Hundred Years of Solitude* oleh Gabriel Garcia Marquez dari Amerika Latin. Penggarapan dunia lelaki tua ini memasuki alam ilusi masing-masing sama dengan dunia Pak Hassan dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* oleh Anwar Ridhwan,

dan dunia Su Usul dalam *Tunggul-Tunggul Gerigis* oleh Shahnon Ahmad.⁵ Gejala yang sama juga seakan muncul lagi dalam dunia orang tua seperti Sangeetha dan Derus dalam *Sangeetha* (2006) oleh Azizi Haji Abdullah.

Perkembangan novel semakin rancak pada tahun-tahun 1990-an dan peringkat mutakhir, penglibatan penulis-penulis dari pelbagai latar belakang telah memberikan kepelbagaian warna dan corak dalam penulisan novel. Kepelbagaian ini juga adalah hasil daripada hadiah-hadiah penulisan sastera yang semakin berkembang dan banyak pihak yang tampil menganjurkan peraduan mengarang atau memberikan hadiah. Ini termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka yang meneruskan peranan sebagai agensi utama penggalak pengembangan sastera kebangsaan; GAPENA, Utusan Melayu, Yayasan Warisan Negeri Johor, Kerajaan Negeri Terengganu, Sabah, Sarawak, Selangor, dan kerajaan-kerajaan negeri yang lain. Seterusnya agensi-agensi kerajaan yang lain juga dari semasa ke semasa turut mengambil peranan menggalakkan sayembara sastera. Novel *Imam* (1995) oleh Abdullah Hussain merupakan novel yang menonjol pada peringkat mutakhir, di samping novel *Naratif Ogonshonto* (2001) oleh Anwar Ridhwan, *Shit* (1999) oleh Shahnon Ahmad, *Burok* (2002) oleh Rohman Shaary, *Kawin-Kawin* (2002) oleh Azizi Haji Abdullah, *Nogogho Astana* (1997), dan *Orang Kota Bharu* (2003) oleh S. Othman Kelantan.

Dalam perkembangan berikutnya, novel *Imam* memenangi Hadiah Novel Nasional Pak Sako anjuran Utusan Publications. Watak Imam Mihad merupakan simbol pengurusan organisasi Islam atau masjid secara moden. Beliau telah berhadapan dengan pemikiran konvensional yang masih menular dalam masyarakat kontemporari. Daripada pemerhatian didapati pergolakan pemikiran kaum tua dan kaum muda masih menjadi

⁵ Lihat Fatimah Busu, 1992. "Daerah Zeni: Kolaj Novel Malaysia Masa Depan", *Dewan Sastera*, Oktober 1992, hlm. 82-87. Fatimah menutup kajiananya dengan mengatakan, "Kehilangan pengaruh cinta-kasih daripada jantina berlawanan amat penting dalam kehidupan Lazri Meon, Pak Hassan dan Su Usul dan Jeha hingga mampu merubah personaliti dan melenyapkan sifat determinasinya. Kelihatan juga hakikat ini merupakan suatu wawasan yang melontarkan satu jenis lagi nilai estetika dalam novel Malaysia kontemporer, yang penataannya bertumpu kepada ciri ketakberertian hidup daripada ciri hidup yang lebih bererti. Dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman, Daerah Zeni, dan Tunggul-Tunggul Gerigis* dapat dilihat bagaimana tidak pentingnya anggota fizik, batang tubuh, jasmani manusia sebagai makhluk Tuhan jika dibandingkan dengan penekanan terhadap keceluaran batin, pergolakan emosi, dan keinginan untuk menyisihkan diri", hlm. 87.

isu dalam masyarakat kontemporari. Abdullah Hussain mengakui beliau mengambil masa tiga tahun enam bulan untuk menyiapkan novel tersebut. Pembacaan terhadap buku-buku rujukan berbentuk agama dan tulisan *Ihya Ulumuddin* oleh Imam al-Ghazali menjadi pedoman beliau mengarang novel *Imam*⁶ tersebut.

Novel *Sukma Angin* (1999), menonjolkan nama Arena Wati yang prolifik dalam penghasilan novel kontemporari. Arena Wati yang banyak meletakkan induk kemelayuan dalam karya-karyanya memperlihatkan cara penghasilan karya yang penuh stamina. Adunan sejarah dan kesedaran bangsa Melayu melalui pengolahan dunia dagang dalam konteks tradisi, falsafah, serta penglibatan Melayu di alam Melayu ditonjolkan melalui *Sukma Angin*. Novel ini didapati mengambil latar samudera yang menjadi medan perjalanan dan ekonomi bangsa Melayu, malah membentangkan kepada kita beberapa pandangan falsafah politik, sosial, ekonomi, dan agama.⁷ Pemberatan terhadap penerapan konsep ilmu bantu atau penerapan ilmu pengetahuan di dalam karya-karya kontemporari mula disedari oleh pengarang-pengarang novel mutakhir. Begitu juga dengan *Naratif Ogonshonto* membawa satu elemen ilmu pengetahuan tentang sistem politik yang simbolik, mencetuskan pemikiran Machiavelli, tujuan menghalalkan cara, diktator politik dan sinis terhadap pengamal-pengamal politik. Penyelidikan yang mendalam dilihat sebagai satu sektor penting dalam penulisan novel mutakhir.

Novel *Sangeetha* (2006) tulisan Azizi Haji Abdullah yang terbaru di pasaran pula merupakan hasil penelitian yang rapi tentang penghasilan seni gambus, tabla, dan dagga. Istilah-istilah khusus dalam permainan gambus, tabla, lagu, petikan, dan iramanya memerlukan penyelidikan yang khusus untuk menghasilkan satu penceritaan yang menarik dan meyakinkan. Kebudayaan masyarakat India yang khusus bukan semata-mata tentang pakaian atau makanannya, tutur katanya, rentak, dan jiwa masyarakat India itu juga perlu penyelidikan yang teliti. Minat sahaja

⁶ Perbincangan tentang kepenggarangan dan analisis novel *Imam* ditulis oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1996, "Imam Abdullah Hussain: Jati Diri Pemimpin Agama", dlm. *Dewan Sastera*, April 1996, hlm. 68-73.

⁷ Anwar Ridhwan, 2001, "Novel-Novel Kurun Ke-20 Dalam Ingatan Kolektif Masyarakat Malaysia" kertas kerja di Seminar Sastera Malaysia, 2-3 April 2001, di Universitas Indonesia, Jakarta, hlm. 12.

tidak cukup untuk menghasilkan satu kombinasi penciptaan novel yang baik, tetapi penyelidikan tentang ilmu-ilmu pengetahuan yang digarap itu akan lebih meyakinkan pembaca. Persiapan inilah yang dilakukan oleh Azizi Haji Abdullah.

Manakala dalam novel *Sangeetha*, Azizi Haji Abdullah berjaya menyatukan hasil seni dengan perasaan indah dua manusia yang bukan sahaja lanjut usia, tetapi juga manusia yang berbeza latar belakang budayanya. Derus dan Sangeetha bersatu dalam alam jiwa dan batin yang indah melalui kaedah percintaan. Simbol alat muzik adalah simbol yang menyatukan perasaan indah mereka. Simbol dalam perlakuan mandian burung juga merupakan simbol yang menyatakan seninya. Mereka bersatu melalui perasaan yang dinyatakan melalui objek-objek seni seperti tabla, gambus, dan burung merbuk. Tata dan caranya merupakan satu teknik melestarikan paralel estetika tersebut dalam jiwa cinta yang bersemi antara dua insan. Kaedah selari atau paralel estetika ini merupakan satu analogikal perlakuan yang dapat menguatkan lagi mesej yang cuba dinyatakan oleh pengarang.

Azizi Haji Abdullah berjaya menggunakan teknik oposisi binari, saling lengkap melengkapi antara perlakuan yang di luar dengan perasaan yang di dalam, iaitu indah dan imaginatif. Unsur estetika dalam perlakuan budaya sesebuah masyarakat itu terbentang luas untuk diteroka walaupun dalam nilai erotisme sekalipun. Ilusi, mimpi, dan halusinasi menggerakkan seni, mengolah perasaan yang tidak diungkapkan melalui kata-kata, tetapi seni bahasa tubuh dan simbol-simbol interaksi yang lain. Untuk menggarap sesuatu yang berfokus kepada pergolakan emosi yang menjadi dasar kepada keseluruhan cerita sebagai sebuah estetika seni, stamina kepengarangan yang tinggi amat diperlukan.

Pencapaian Kualiti yang Baik

Nilai pada kualiti adalah sesuatu yang subjektif dan berbeza dengan pemikiran saintifik yang sentiasa meletakkan setiap perkara atau fenomena dalam nilai yang boleh diukur atau “*measurable*”. Namun, kualiti adalah bersifat kedalaman, huraian, dan penjelasan. Bagi mengukur sesuatu yang imaginatif serta mempunyai nilai estetika, kita

tidak mengukur dari aspek rumus-rumus bahasa kerana persoalan di sebalik kata itu adalah sesuatu yang memerlukan penjelasan demi penjelasan, kedalaman berfikir, daya artikulasi, kebijaksanaan, dan hikmah terhadap yang tersurat. Novel menjadi perhatian kerana ukurannya realitinya namun realiti yang bagaimana? Falsafah atau ideologi yang besar yang bagaimana dinilai sebagai besar dan bersifat *avant garde*?

Seringkali penghasilan sastera seperti novel memerlukan kepada kebijaksanaan di sebalik kebijaksanaan yang sedia ada. Oleh itu, persoalan inovasi, sesuatu yang baharu, ideologi, kekompleksitian, tidak konvensional, atau lain dari yang lain, kesatuannya, kreativiti tinggi, dan faktor nilai tambah menjadi ukuran subjektif yang diperdebatkan.

Novel kita yang bagaimana? Dari segi idea, kita mengharapkan pengangkatan terhadap tradisi kebudayaan yang mempunyai nilai-nilai yang baik dari sumber sejarah, jati diri, etnografi, atau sumber-sumber tempatan lain yang diangkat sebagai sesuatu yang positif. Arena Wati misalnya, sering mengangkat nilai Melayu Mengkasar dengan imej legenda Dewi Mulya sebagai satu bentuk jati diri bangsa. Malahan dalam kaedah tertentu, simbol camping wanita merupakan satu simbol pemilikan jiwa kental induk ibunda masyarakat Melayu Mengkasar.

Shahnon Ahmad mempunyai nilai-nilai yang tinggi dengan jiwa masyarakat tani yang kerdil dan penuh pergulatan. Manusia yang diangkatnya, sehingga sekarang terikat kukuh dalam ingatan kita tentang sikap Jeha dan Lahuma. Semua pembaca memahami Shahnon dengan jiwa *Banggul Derdap*. Hal ini merupakan identiti yang berbeza lain dari yang lain. Jika kita menghasilkan Jeha yang baru seperti Shahnon, mungkinkah kita dapat keluar dari induk Jeha dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*? Atau Shahnon membawa kita pada siri permasalahan pimpinan melalui siri-siri novelnya seperti *Menteri*, *Sutan Baginda*, *Patriarch*, dan *Shit* yang sebatи dengan minat konsisten beliau. Persoalan ini yang berlaku dalam menilai kualiti, iaitu identiti tersendiri. Seterusnya kita mungkin melihat Salina dalam kerangka yang lain pada hari ini kerana melalui A. Samad Said, kita akan terkurung dengan imej watak tersebut dalam novel *Salina*. Walaupun A. Samad Said menghasilkan *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi* mahupun *Al-Amin*, namun ciri kental yang melekat pada dunia penghasilan novelnya tetap dengan imej Salina. Begitu juga S.

Othman Kelantan melekat dengan imej “Jogho” atau Juara yang mempunyai ciri tersendiri terhadap imej politik dan simbol perlagaan lembu. Walaupun berhasil menulis puluhan novel lain tetapi identiti S. Othman Kelantan dilihat dominan dengan novel *Juara*.

Mungkin kreativiti Anwar Ridhwan pula agak terserlah melalui novel *Naratif Ogonshonto* kerana kelainan cara yang dilukiskan dalam novel tersebut. Beliau banyak meletakkan kemelut politik melalui imej ilmu politik Machiavelli. Bentuk nopen yang dibahaskan oleh pengkritik terhadap *Naratif Ogonshonto* sedikit sebanyak meletakkan imej kelainan yang ada pada penulisan novel beliau. Dari sudut yang lain, *Naratif Ogonshonto* sarat dengan pemikiran profesion politik tetapi bukan ideologi politik. Di samping itu, kenapa novel *Anugerah* oleh Zaharah Nawawi tidak mendapat perhatian masyarakat sastera, kecuali kerana ketebalannya? Sejarah yang dirakamkan oleh beliau merupakan data, tetapi tidak dengan aliran pemikiran yang tuntas, dan akhirnya pembaca hanya membaca sebuah rakaman peristiwa atau rakaman sejarah.

Kenapa Azizi Haji Abdullah kita kenali melalui *Seorang Tua di Kaki Gunung*? Adakah kerana novel ini membawa elemen kemanusiaan yang tinggi terhadap golongan tua? Apakah falsafah yang ada yang boleh menjadi pemikiran yang besar untuk diperdebatkan di dalamnya? Hanya masyarakat pembaca yang peka akan menjawabnya. Hal ini disebabkan kita membaca novel mengikut tahap-tahap yang tersendiri. Harapan besar itulah kualitinya; atau pemahaman tentang falsafah di sebalik makna itulah kualitinya.

Karya-karya novel kita banyak yang memperlihatkan potensi besar untuk diperkatakan, tetapi kita masih tidak menemui karya-karya besar yang bersifat mahakarya. Cuma pada satu ketika, novel *Shit* yang menjadi kegilaan ramai kerana kontroversinya. Adakah *Shit* berkualiti dari segi yang dikehendaki pembaca? *Shit* muncul pada zaman yang tepat waktunya, iaitu selari dengan isu politik semasa. Namun pada masa yang sama, ada pihak yang “membakulsampahkan” novel tersebut. Setahap itu.

Oleh itu, ada baiknya pandangan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan diambil kira. Penghasilan sastera perlu berlandaskan ilmu yang benar dan tidak membawa perkara-perkara yang bertentangan

dengan imej dan ajaran agama. Hasil seni perlu berlandaskan ajaran-ajaran kitab suci al-Qur'an dan Hadith. Kebobrokan tentang imej manusia yang bergelumbang dengan daya imaginatif yang bertentangan dengan ilmu kebenaran Islam juga disangkal supaya tidak dikemukakan sebagai satu bentuk kreativiti, sekalipun sebagai satu bandingan. Kedengaran begitu idealistik. Perasaan imaginatif manusia harus dilaraskan supaya menuju kebenaran sebagai makhluk ciptaan Tuhan. Dengan itu, banyak karya yang dihasilkan dalam perkembangan novel tanah air tertolak begitu sahaja kerana tidak menepati piawaian Persuratan Baru yang mensyaratkan kualiti pada karya adalah kualiti yang selari dengan kaedah ilmu persuratan sahaja. Oleh itu piawaian Persuratan baru sukar diterima umum.

Mungkinkah Dapat Memenangi Hadiah Nobel?

Persoalan ini tidak mudah untuk diperdebatkan kerana kita berhadapan dengan perkembangan dunia yang sangat kompleks. Penguasaan media komunikasi utama dunia adalah menjadi satu ancaman utama terhadap persaingan negara maju dengan negara yang sedang membangun. Malahan, blok barat sentiasa melihat blok timur sebagai suatu wilayah yang sentiasa menyaingi mereka dan begitulah juga sebaliknya. Agama Islam menjadi saingan kepada pemikiran liberalisme barat malah merupakan saingan kepada perkembangan agama Kristian. Kuasa unilateral mahupun Israel yang berpegang kepada prinsip bangsa agung yang terpilih adalah ancaman kepada keadilan seluruh dunia.

Semua ini merupakan satu hambatan kepada penghasilan karya-karya tempatan. Persaingan yang hebat dari segi maklumat dan cara berfikir adalah persaingan dalam peradaban kita yang dapat menimbulkan satu bentuk penghasilan karya untuk abad ke-21 dan masa hadapan. Cabaran-cabaran ummah Islam umumnya, atau sastera tempatan khususnya bukan lagi merupakan cabaran yang bersifat lokaliti tetapi mengatasi wilayah serantau, penyatuhan serantau, dan wujudnya blok-blok baru yang lebih besar. Kuasa ekonomi dan politik sangat berpengaruh menentukan arah fikiran peradaban sesebuah bangsa. Oleh itu, golongan penulis adalah golongan yang sentiasa dicabar dengan bentuk-bentuk ideologi baru.

Umat Melayu atau bangsa tempatan hendaklah sentiasa berwaspada dan bijaksana dalam menangani isu-isu globalisasi, pembaratan, liberalisasi, pascamodenisme tajaan Barat, dan budaya konsumerismenya. Umat Melayu dan bangsa tempatan hendaklah meningkatkan daya tahan, daya saing, dan daya cipta dalam semua bidang, termasuk perniagaan, industri, teknologi komunikasi dan informasi, pertahanan, dan sebagainya yang seharusnya ditunjangi oleh usaha penyelidikan dan pembangunan yang berwibawa.⁸

Media dan komunikasi memainkan peranan penting dalam pengiktirafan sesebuah karya besar. "Populariti" melalui media seringkali berjaya mengangkat perhatian masyarakat global. Dan pemain-pemain media global menguasai "Populariti" tersebut. Kita adalah sebahagian daripada pemain global. Setakat hari ini, anugerah-anugerah Nobel di peringkat antarabangsa adalah bercirikan idea-idea yang dikemukakan oleh pengarang yang menentang "Ketidaksempurnaan" kerajaan di sesebuah negara dari segi corak pemerintahan dan dasar-dasar yang dilaksanakan. Atau sekurang-kurangnya dari kaca mata manusia kerdil yang tersiksa jiwanya dalam penguasaan dan tekanan kesan fenomena politik. Pengarang yang menang dilihat sebagai pengarang yang mencungkil ketidakadilan pemerintah atau pihak berkuasa. Penentangan dari kelompok yang ditindas dan minoriti sering mendapat perhatian barat. Oleh itu, karya-karya yang dianggap berani membongkar dan memperjuangkan nasib mangsa penindasan serta ketidakadilan tersebut sentiasa diangkat sebagai karya besar yang diberikan hadiah nobel atau pengiktirafan besar. Adakah pengarang kita perlu anugerah atau hadiah-hadiah nobel bertaraf antarabangsa yang bersifat sedemikian? Dari kaca mata siapa karya itu harus menyatakan kebenaran? Persoalan ini adalah persoalan yang sering dilihat dari kaca mata kuasa pihak yang tidak berkuasa. Pengarang novel harus bijak memilih dan menyatakan penyiksaan dari "ketidakadilan" tersebut untuk mematangkan karya-karya mereka.

⁸ Salah satu resolusi yang dikemukakan oleh AJK Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam, 29-31 Jan 2002, di Kuala Lumpur. Lihat Himpunan Kertas kerja *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, 2002, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 307.

Mahakarya yang bagaimana? Apakah kita dapat mencapai tahap seperti Alexander Pushkin di Rusia yang berjaya merevolusikan sastera Rusia dengan puisi naratifnya dan cerpen berasaskan politik negaranya? Malahan, Gabriel Garcia Marquez dari Colombia memainkan peranan penting dalam pengalaman hidupnya yang terlibat sebagai orang tengah antara kerajaan negara berkenaan dengan pihak gerila haluan kiri. Gabriel memperkenalkan sesuatu bentuk baru penulisan novel melalui *One Hundred Years of Solitude* menggunakan *magic realism*. Sampaikah kita ke tahap Dan Brown dengan *Da Vinci Code* yang mencetuskan perdebatan antara Islam dan Kristian? Adakah berlakunya protes besar-besaran ke atas buku pascamoden ini walaupun dikatakan sebagai sebuah fiksyen? Pastinya cara kita berbeza dengan mereka, tetapi bagaimanakah mungkin karya kita sanggup berhadapan dengan penyimpangan-penyimpangan tersebut. Persoalan ini telah dijelaskan pada bahagian awal, iaitu tentang pertembungan nilai dan fahaman antara perspektif peradaban yang jelas berbeza. Inilah cabaran yang kita hadapi dalam menghasilkan karya-karya besar setelah "Mahakarya" tersebut. Karya yang paling hampir dengan kita ialah karya-karya Pramoedya Ananta Toer di Indonesia dan karya-karya Jose Rizal di Filipina.⁹ Kedua-duanya mempunyai ciri penghasilan karya yang mencetuskan perubahan paradigma pemikiran masyarakat dalam gelombang yang berskala besar dan kita masih mencari-cari penulis novel kita yang berada di tahap sedemikian.

Kesimpulan

Penghasilan karya sastera akan membuka lorong-lorong kemanusiaan dan kehidupan. Kerja seni adalah ibarat membuka rahsia di sebalik kegelapan yang tidak dapat dicapai melalui alat sains dan teknologi. Namun demikian, seni itu adalah satu bentuk komunikasi. Kita tidak meletakkan acuan untuk menghasilkan sebuah kreativiti kerana lorong kehidupan itu

⁹ Perbincangan tentang penulis kita dan penghasilan Mahakarya ini dikemukakan dengan menarik oleh dua orang sarjana tempatan dalam esei mereka berjudul 'Mahakarya Melayu Dalam Abad ke-21', Lihat Nor Faridah Abdul Manaf dan Ruzy Suliza Hashim, 2006. 'Mahakarya Melayu Dalam Abad ke-21', dlm. *Persuratan dan Peradaban Nasional*, Mohamad Saleeh Rahamad, S. M. Zakir dan Shamsuddin Othman(ed.), Kuala Lumpur: PENA, hlm. 149-161.

sendiri adalah ibarat sebuah hikmah yang disuluh melalui lampu suluh; dalam perjalanan melalui sebuah lubang gelap. Semakin kita berada di dalam lorong gelap itu, kita hanya dapat menyuluh dari satu hikmah ke satu hikmah dan titik perhentian itu bukan kita yang menentukannya. Namun, satu suluhan kita mungkin sudah cukup untuk menyingkap rahsia kegelapan dari sejumlah kehidupan tersebut.

Rujukan

- Abdul Latif Abu Bakar, “Peranan PASPAM Dalam Kegiatan Bahasa dan Sastera Melayu”, dlm. *100 Tahun Pergerakan Bahasa dan Sastera Melayu 1888-1988*, diedit oleh S. Othman Kelantan, 1992, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan, 2001. “Novel-Novel Kurun Ke-20 Dalam Ingatan Kolektif Masyarakat Malaysia” kertas kerja di Seminar Sastera Malaysia, 2-3 April 2001, di Universitas Indonesia, Jakarta.
- Fatimah Busu, 1992. “Daerah Zeni: Kolaj Novel Malaysia Masa Depan”, *Dewan Sastera*, Oktober 1992, hlm. 82-87.
- Himpunan Kertas Kerja *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, 2002, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Faridah Abdul Manaf dan Ruzy Suliza Hashim, 2006. ‘Mahakarya Melayu Dalam Abad ke-21”, dlm. *Persuratan dan Peradaban Nasional*, Mohamad Saleeh Rahamad, S. M. Zakir dan Shamsuddin Othman (ed.), Kuala Lumpur: PENA.
- S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir, 2003. *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1996. “Imam Abdullah Hussain: Jati Diri Pemimpin Agama”, dlm. *Dewan Sastera*, April 1996, hlm. 68-73.